

Sektor korporat diingatkan jangan cemar alam: PM

BH- 17/11/2007

Perniagaan, kegiatan diusaha perlu diiringi tanggungjawab sosial

Oleh Shamshul'Azree Samshir

PUTRAJAYA: Perdana Menteri, Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi malam tadi mengingatkan sektor korporat supaya memastikan perniagaan atau kegiatan yang diusahakan tidak memberi kesan kepada alam sekitar kerana ia adalah sebahagian daripada tanggungjawab sosial mereka.

Beliau berkata, wang yang didermakan untuk kebajikan dan rumah anak yatim atau sumbangan komputer kepada sekolah tidak cukup untuk melunaskan tanggungjawab sosial sektor korporat.

"Tanggungjawab sosial korporat juga bermakna anda bertanggungjawab terhadap impak kegiatan perniagaan terhadap alam sekitar," katanya pada Malam Anugerah Bunga Raya Perdana Menteri 2006/2007 di sini, malam tadi.

Teks ucapan beliau dibacakan Menteri Kewangan Kedua, Tan Sri Nor Mohamed Yakcop.

Turut hadir Timbalan Menteri Sumber Asli dan Alam Sekitar, Datuk S Sothinathan.

Menjelaskan tanggungjawab sosial itu, Abdullah berkata, pengurusan ladang perlu mengawasi kadar penggunaan racun perosak dan baja dalam tanaman yang diusahakan, manakala sektor pengeluaran seperti kilang perlu memastikan sisa dirawat sebelum dibuang.

Katanya, syarikat pembinaan pula perlu memastikan kesan hakisan tanah yang minimum ketika mengendalikan projek masing-masing.

"Biar saya jadikan sungai kita sebagai contoh. Setiap hari, sungai kita dicemari kumuhan dari ladang, sisa dari kilang dan industri, pepejal terapur hakisan tanah akibat kerja pembinaan serta sisa logam berat dari kilang.

"Tahun lalu, tujuh daripada 146 lembangan sungai di Malaysia diklasifikasikan tercemar, manakala 59 lembangan sungai lagi dikategorikan tercemar sedikit," katanya sambil menambah masalah itu boleh diatasi jika sektor korporat bertanggungjawab terhadap kesan kegiatan mereka kepada alam sekitar.

Abdullah turut menyatakan rasa sedih kerana masih tidak banyak gerakan dalam menjayakan kempen kitar semula sejak beliau melancarkan



YANG TERBAIK: Nor Mohamed menyampaikan trofi kepada Naib Presiden Petronas Oil Business, Datuk Anwar Ahmad, wakil Petronas Penapisan Melaka Sdn Bhd sebagai pemenang utama bagi kategori Anugerah Cemerlang pada Malam Anugerah Bunga Raya Perdana Menteri 2006/2007 di Putrajaya, malam tadi.

Hari Kitar Semula pada 2003 dua minggu selepas menjadi Perdana Menteri.

Dalam ucapannya itu, beliau memperkatakan sikap 'infrastruktur kelas pertama, mentaliti kelas ketiga' dalam penjagaan alam sekitar, tetapi masyarakat terus menghasilkan sisa buangan yang banyak, iaitu kira-kira 25,600 tan setiap hari.

"Dengan kadar pertumbuhan sisa mencapai 3.6 peratus setiap tahun, kita menjangkakan tapak pelupusan sisa akan mencapai kapasiti pada 2020," katanya sambil menambah kadar kitar semula negara yang meningkat kepada lima peratus sekarang masih jauh berbanding kadar 30 hingga 47 peratus yang dicatatkan negara maju.

Pada majlis itu, Petronas Penapisan Melaka Sdn Bhd diumumkan pemenang utama bagi kategori Anu-

gerah Cemerlang. Turut diumumkan memenangi kategori sama ialah Shell MDS (M) Sdn Bhd; Tex Cycle Sdn Bhd dan Intel Products (M) Sdn Bhd.

Tex Cycle juga terpilih memenangi Anugerah Khas Perusahaan Kecil dan Sederhana (PKS) serta Anugerah

Negeri mewakili Selangor.

Bagi kategori Anugerah Negeri, Shell Refining Co (FOM) Berhad muncul pemenang bagi Negeri Sembilan; BASF Petronas Chemicals Sdn Bhd (Pahang); Intel Technology (M) Sdn Bhd (Pulau Pinang); Shangri-la Tanjung Aru Resort (Sabah); Shell MDS (M) Sdn Bhd (Sarawak) dan Ethylene/Polyethylene Malaysia Sdn Bhd (Terengganu).

Anugerah Bunga Raya Perdana Menteri 2006/2007 mengiktiraf inisiatif sektor korporat dalam melindungi alam sekitar, antaranya menerusi pelaksanaan sistem pengurusan bersepadu bagi memastikan perniagaan atau kegiatan mereka tidak mencemari persekitaran.

Anugerah kali ini mencatat rekod dengan penyertaan 59 syarikat, iaitu bilangan terbanyak sejak mula diperkenalkan 11 tahun lalu.

FAKTA NOMBOR

Pencemaran sungai pada 2006

7

Diklasifikasikan tercemar

59

Dikategorikan tercemar sedikit